

Headline **Sisa pelepah sawit, pokok Mahang jadi kertas**  
Date **23 Apr 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**L-44**  
**61 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**2,687**  
**8,062**



## Sisa pelepah sawit, pokok Mahang jadi kertas

**K**UALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencipta inovasi dengan menghasilkan kertas melalui gabungan sisa pelepah kelapa sawit dan pokok Mahang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod, berkata ciptaan terbaru itu adalah susulan kejayaan menghasilkan bekas makanan dari pelepah kelapa sawit.

"Kertas baru yang dihasilkan dari gabungan sisa pelepah kelapa sawit dan pokok Mahang sudah ada, namun ia akan dikomersialkan menjelang akhir tahun. Ini adalah satu produk yang bagus kerana dari segi kos, ia dapat menjimatkan.

"Produk ini dihasilkan dari bahan terbuang," katanya selepas majlis sambutan Tahun Hutan Antarabangsa 2011 yang diempurnakan Ahli Dewan Undangan (ADUN) Taman Templer, Datuk Subahan Kamal di sini, semalam.